

USIM cadang lantik Wartawan Residen - Naib Canselor

Oleh NOOR DIANA AZIS

utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 24 April - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berhasrat melantik individu dalam kalangan pengamal media sebagai Wartawan Residen bagi berkongsi pengalaman dalam bidang kewartawanan dengan penuntut komunikasi universiti itu.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, pengalaman wartawan itu tidak dapat dinyatakan dalam bentuk penulisan semata-mata, tetapi lebih bermakna hal itu dinyatakan secara bersama dengan mahasiswa yang mengikuti pengajian dalam bidang berkenaan.

"Kita mahu ilmu yang ada dalam kalangan pengamal media itu dikongsi bersama mahasiswa USIM dan boleh menjadi bahan kajian, penelitian tugas dan pendedahan dalam berhadapan kerja di lapangan pada masa hadapan," katanya ketika berucap dalam Pertandingan Boling Malam Media di Pusat Boling Ole-Ole Mydin Mall Seremban 2 dekat sini malam tadi.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Zulkiple Abd.



MUSA AHMAD (tengah, tujuh dari kiri) bersama para pengamal media menyertai Pertandingan Boling Malam Media di Pusat Boling Ole-Ole Mydin Mall, Seremban 2, Negeri Sembilan, malam kelmarin.

Ghani dan Presiden Kelab Wartawan Negeri Sembilan (i-Kwan), Ainol Amriz Ismail dan Setiausaha Sulit Kanan Kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Mohd. Zahirin Mohd. Adnan.

Musa memberitahu, pelantikan

Wartawan Residen itu kelak akan diteliti dan dipertimbangkan dalam kalangan pengamal media khususnya di Negeri Sembilan.

"Kita berharap Pusat Komunikasi Strategik USIM atau StraComm dapat mengetuai projek ini untuk

memastikan wujud hubungan antara universiti dengan media secara berpanjangan," katanya yang mahu lebih banyak memorandum persefahaman terjalin antara kedua-dua pihak.

Sementara itu, Musa juga men-

jelaskan, sejak menjalin hubungan baik bersama media, USIM telah mencapai 1,424 hits di media dengan nilai *PR-Value* mencecah RM32 juta dengan purata 119 berita setiap bulan, 30 berita setiap minggu dan empat berita sehari.

"Itu sememangnya melangkaui petunjuk prestasi utama (KPI) yang universiti tetapkan kepada StraComm.

"Sebagai perbandingan, pada Januari sehingga Mac tahun lalu, hits media USIM adalah sebanyak 267 hits dengan *PR-Value* mencecah RM2.5 juta, manakala bagi tempoh sama untuk tahun ini, jumlah hits yang kita peroleh adalah sebanyak 418 hits dan *PR-Value* mencecah RM8.9 juta.

"Bagi tempoh itu, purata USIM dipaparkan di media adalah sebanyak 139 berita setiap bulan, 35 berita setiap minggu atau lima berita sehari.

"Itu merupakan peningkatan yang amat ketara dan memberi petunjuk yang sangat positif iaitu boleh dikatakan setiap minggu ada berita berkaitan USIM terpapar di media," ujarnya.

Pada pertandingan boling kategori media malam tadi, akhbar *Utusan Malaysia* muncul juara dengan membawa pulang hadiah RM300, trofi dan hamper, diikuti *Harian Metro* dan ketiga, *New Straits Times*.

Hadiah dan cenderamata penghargaan kepada media disampaikan oleh Musa.